

PM sokong kerjasama pekerja asing, tempatan

BH 11 MAY 1984

KEMAMAN, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersejutu supaya syarikat-syarikat perindustrian yang melabur di negara ini menubuhkan jawatankuasa kebajikan, khusus bagi memupuk persefahaman dan kerjasama erat antara para pekerja asing dengan pekerja tempatan.

Perdana Menteri menegaskan, perlunya wujud persefahaman, kerjasama dan sikap tolak ansur antara pekerja asing dan tempatan dalam mengendalikan sesebuah projek besar untuk mengelakkan sebarang pergeseran yang boleh menjejaskan pelaksanaan projek-projek itu.

Dr Mahathir ditemui oleh para pemberita, selepas merasmikan upacara pemasangan alat loji kilang besi waja-Dr Shaft Furnace-Pewaja Terengganu Sdn Bhd di Telok Kalong, lima kilometer dari sini hari ini.

Beliau ditanya pandanganannya mengenai pergaduhan antara pekerja asing dengan pekerja tempatan di projek pembinaan Ampangan Kenyir di Hulu Terengganu dan projek pusat memproses minyak di Kertih tahun lalu.

"Tidak akan timbul," ujarnya.

Perdana Menteri berkata, penubuhan 10 atau 15 jawatankuasa semacam itu tidak akan memberi nilai, jika tidak ada persefahaman dan

Dr Mahathir juga ditanya adakah beliau bersejutu perlunya syarikat-syarikat perindustrian yang melabur di negara ini, khususnya di Terengganu menubuhkan jawatankuasa kebajikan bagi memupuk persefahaman dan kerjasama erat antara pekerja asing dan tempatan.

Katanya, jawatankuasa seperti itu elok dan boleh ditubuhkan bagi tujuan tersebut, tetapi kita mesti ingat, di mana sahaja kita bekerja dengan orang asing atau bekerja sendiri, memang ada masalah.

Apa yang penting dalam hal ini, tambah beliau ialah mencari jalan membaiki dan mengatasinya, tetapi bukan mencari jalan untuk menyingkir orang.

Beliau berpendapat, masalah-masalah yang berbangkit itu disebabkan orang lain hendak bekerja sampai habis, kita hendak kerja mengikut waktu.

"Tetapi kalau kita dapat bekerjasama seperti orang lain, masalah ti-

kerjasama.

Mengenai dakwaan para pemborong binaan Bumiputera tempatan tidak diberi peluang mendapatkan projek-projek besar di negeri ini, Dr Mahathir berkata:

"Tidak ada pilih kasih terhadap para pemborong tempatan dalam pembahagian projek-projek, kalau masalah itu berlaku, ia mesti ada sebabnya, mungkin tawaran pihak lain lebih rendah."

Dr Mahathir berkata, kerajaan telah menentukan dasar mengenai penyertaan para pemborong binaan Bumiputera dalam projek-projek perindustrian dan pembangunan di negara ini.

Katanya, dalam pembahagian projek-projek besar, tidak timbul sikap benci terhadap 'orang tempatan'.

Syarikat yang bernilai \$1,000 juta itu adalah usahasama antara Perbadanan Perusahaan Berikat Malaysia (Hicom), kerajaan Terengganu dan kumpulan syarikat-syarikat Jepun.